



Home / 2024 / October /

Hari Bertemu Pelanggan Pusat Kokurikulum: Platform Utama Memperkukuh Jati Diri Mahasiswa Dalam DNA UiTM

GRU2025

15/10/2024 / Hasrol Jono



10 Oktober 2024 – Shah Alam menjadi saksi kepada kejayaan Pusat Kokurikulum UiTM dalam melaksanakan Hari Bertemu Pelanggan Pusat Kokurikulum UiTM Shah Alam bagi Semester Oktober 2024 hingga Februari 2025. Acara ini dirasmikan dengan penuh gemilang oleh YBhg. Profesor Dr. Hj. Mohd Sazili Shahibi, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), yang menzahirkan rasa bangga terhadap usaha UiTM dalam membentuk generasi mahasiswa unggul, berdaya saing, dan berintegriti tinggi.

Pengarah Pusat Kokurikulum, Datuk Dr. Hasrol Jono, mewakili seluruh warga Jabatan Hal Ehwal Pelajar, turut menyampaikan penghargaan kepada semua pihak yang bertungkus-lumus dalam menjayakan program ini. Hari Bertemu Pelanggan bukan sekadar satu acara, tetapi membuktikan bahawa kokurikulum di UiTM adalah platform utama dalam membangunkan kemahiran insaniah dan jati diri mahasiswa secara menyeluruh.

Acara ini disertai dengan pelbagai aktiviti menarik sepanjang tiga hari, termasuk pemeriksaan kesihatan, ceramah motivasi, taklimat, serta pameran booth daripada persatuan dan kelab badan beruniform dan bukan beruniform. Sesi taklimat bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 10 Oktober dijangka menjadi acara kemuncak, dengan matlamat meningkatkan kesedaran mengenai integriti dalam kalangan mahasiswa.



UiTM turut memperkukuh komitmennya melalui penganjuran Kursus Integriti Anti Rasuah (KIAR), satu usaha penting universiti dalam membina budaya organisasi yang beretika dan telus. Dengan sokongan pelbagai jabatan, kursus ini diiktiraf sebagai platform utama dalam melahirkan mahasiswa yang berintegriti, selaras dengan aspirasi universiti untuk menyediakan pemimpin masa depan yang berwibawa.

Pada 12 Oktober 2024, program ini akan diteruskan dengan Taklimat Kokurikulum melibatkan 3,800 pelajar baharu semester pertama dan 3,500 pelajar semester dua dan tiga di Padang Kawad UiTM. Para jurulatih akan berperanan sebagai penggerak utama dalam memastikan pelajar memahami peranan penting kokurikulum dalam pembentukan sahsiah diri.

UiTM turut merakamkan tahniah kepada Prof. Madya Ts. Dr. Basharudin Abdul Hadi, Pengarah SUKSIS UiTM, dan pasukan SUKSIS yang berjaya menerima Anugerah Pameran Terbaik sempena Hari Bertemu Pelanggan. Program ini juga memberi pendedahan kepada pelajar baharu mengenai Modul Kesatria Negara, satu elemen penting dalam DNA UiTM yang menekankan kepimpinan dan ketrampilan diri melalui aktiviti seperti Kesatria Kembara dan Kesatria Brass Band.



Pusat Kokurikulum dan Jabatan HEP UiTM sentiasa proaktif dalam menganjurkan program-program yang bukan sahaja mengukuhkan aspek akademik, tetapi juga pembangunan diri, ketahanan mental dan fizikal. Latihan bercirikan ketenteraan turut ditekankan untuk melahirkan mahasiswa yang berdisiplin dan berintegriti tinggi, sesuai dengan cabaran global yang bakal dihadapi.

Dengan kejayaan ini, UiTM terus komited untuk memperkasakan program-program kokurikulum pada masa hadapan, memastikan mahasiswa kekal sebagai generasi berwawasan yang mampu menyumbang kepada kemajuan negara Malaysia yang tercinta.

Penulis Utama: Mohd Nor Hajar Hasrol Jono, Profesor Dr. Sazili Shahibi

Penulis Bersama: Mohd Azmil Alias, Najihah Azmi, Nor Azlin Rosli, Mohd Shukor Abd Rahman, Nooraidah Mokhtar, Muhammad Syuhairi Zakaria, Dr. Alwi Mohd Yunus, Dr. Basharudin Abdul Hadi, Ku Hadzrill Jeeffry Ku Hamzah

[in Share](#) [f Share](#) [X Post](#)

Tags: [hari bertemu pelanggan](#), [pusat kokurikulum \(PKO\)](#), [universiti teknologi malaysia \(uitm\)](#)

← DNA UiTM dalam Tindakan: Sukarelawan sebagai Penentu Kejayaan dalam Acara Memanah Antarabangsa

Perbincangan UTAMA: Mengorak Langkah Memperkasakan Pelajar UiTM untuk Cabaran Global →

QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)
[Library](#)
[UiTM Holdings](#)
[WiFi UiTM](#)
[E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor Darul
Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

